

PERTANYAAN YANG SERING DIKEMUKAKAN OLEH PELAJAR / FREQUENCY ASKED QUESTIONS (FAQs) BERKENAAN PERMOHONAN SECARA ON-LINE

1 SYARAT PERMOHONAN

Apakah syarat-syarat permohonan yang telah ditetapkan oleh PTPTN?

Pelajar layak memohon pinjaman pendidikan sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut :-

- a) *Warganegara Malaysia;*
- b) *Berumur tidak melebihi 45 tahun semasa memohon;*
- c) *Sijil Pelajaran Malaysia dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana matapelajaran;*
- d) *Bagi pelajar-pelajar IPTA, mereka hendaklah telah menerima tawaran kemasukan ke IPTA untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTA), Kementerian Pengajian Tinggi.*
- e) *Bagi pelajar-pelajar Politeknik, mereka hendaklah telah menerima tawaran kemasukan ke Politeknik untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi.*
- f) *Bagi pelajar-pelajar IPTS, mereka hendaklah telah menerima tawaran kemasukan ke IPTS untuk mengikuti kursus yang telah diluluskan oleh Jabatan Pengurusan IPT (IPTS), Kementerian Pengajian Tinggi dan telah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Lembaga Akreditasi Negara (LAN). Kelulusan kursus dan Sijil Perakuan Akreditasi hendaklah belum tamat tempoh sah laku semasa memohon.*
- g) *Semua pelajar hendaklah mempunyai kelayakan masuk yang disyaratkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengikuti kursus berkaitan. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan, pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehi daripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan di perenggan (d), (e) dan (f) di atas.*
- h) *Tiada penaja lain.*
- i) *Baki tempoh pengajian semasa memohon tidak kurang dari satu tahun.*
- j) *Pinjaman pendidikan PTPTN memerlukan 2 penjamin yang terdiri daripada ibu dan bapa pemohon.
[Sekiranya keduanya telah meninggal, informasi penjamin tidak diperlukan tetapi, sekiranya hanya salah seorang yang telah meninggal dunia, hanya ruangan pertama (pada permohonan online) yang harus diisi dan ditandatangani (pada surat penjamin). Sekiranya yang sedemikian, sesalinan Sijil Kematian / surat pengesahan kematian adalah diperlukan.]*
- k) *Syarat-syarat kelayakan lain yang ditetapkan oleh PTPTN dari semasa ke semasa.*

2 KAEDAH PERMOHONAN

Apakah kaedahnya untuk saya membuat permohonan PTPTN?

Kaedah permohonan pinjaman pendidikan adalah seperti berikut :

- a) *Pemohon hendaklah memohon pinjaman PTPTN secara on-line melalui Laman Web Pinjaman On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>. Akan tetapi, pemohon hanya Pelajar perlu menggunakan kata laluan dengan memasukkan ID PTPTN yang ada pada Semakan Keputusan Permohonan ke IPTA yang boleh dicetak oleh pelajar melalui Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (UPU on-line) Kementerian Pengajian Tinggi.*
- b) *Bagi tujuan melengkapkan permohonan pinjaman PTPTN secara on-line, pelajar terlebih dahulu perlu mempunyai nombor akaun individu mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing. Namun, terdapat beberapa IPT yang memberi kemudahan pra-pembukaan akaun bank untuk pelajar. Untuk maklumat lanjut berkenaan senarai IPT tersebut, mohon layari Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>.*
- c) *Pelajar boleh menyemak keputusan permohonan pinjaman PTPTN di Laman Web Pinjaman On-Line di <http://epinjaman.ptptn.gov.my> bermula 3 hari selepas tarikh tutup permohonan online di IPT masing-masing.*
- d) *Pelajar yang berjaya ditawarkan pinjaman PTPTN perlu melayari Laman Web On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> dan dokumen yang perlu dicetak ialah:-
(i) 4 set Surat tawaran pinjaman;
(ii) 4 set Dokumen Perjanjian pinjaman;
(iii) 4 set Surat Jaminan Pinjaman; dan*

[Setiap satu set adalah untuk **Pemohon, PTPTN, Penjamin 1 dan Penjamin 2**. Namun, sekiranya salah seorang ibu bapa telah meninggal, hanya 3 set diperlukan untuk dihantar kepada PTPTN, dan hanya 2 set diperlukan sekiranya kedua ibubapa telah meninggal dunia.]

(iv) 4 keping setem hasil yang bernilai RM10.00 setiap satu.

[Bagi setiap Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang telah disempurnakan, hendaklah dilekatkan setem berharga RM10.00 di sudut kanan atas pada muka depan setiap salinan dokumen perjanjian. Namun, sekiranya salah seorang ibu bapa telah meninggal, hanya 3 setem diperlukan untuk dilekatkan pada muka depan setiap salinan dokumen perjanjian dan hanya 2 setem diperlukan sekiranya kedua ibubapa telah meninggal dunia.]

[Cetakan dokumen tersebut hendaklah menggunakan kertas berwarna putih yang bersaiz A4 (80 gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakan tidak dilakukan pada muka depan dan belakang di helaian yang sama). Dakwat cetakkan hendaklah berwarna hitam.]

3 TARIKH PEMBUKAAN DAN PENUTUPAN PERMOHONAN

Bilakah tarikh permohonan PTPTN ini dibuka?

Tarikh permohonan Pinjaman Online PTPTN ini akan dibuka buat pertama kalinya pada 15 Jun 2007. Untuk permohonan seterusnya akan diberitahu dari semasa ke semasa melalui Laman Web PTPTN di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>.

4 Bilakah tarikh permohonan PTPTN ini ditutup?

Terdapat 2 kelompok untuk permohonan, iaitu kelompok 1 dan kelompok 2. Untuk Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA), tarikh tutup untuk kelompok 1 dan 2 masing-masing adalah pada 25/6/2007 dan 9/7/2007. Bagi Politeknik pula, tarikh tutup untuk kelompok 1 dan 2 masing-masing adalah pada 4/7/2007 dan 28/7/2007. Untuk tarikh tutup IPTS serta maklumat terperinci tentang tarikh-tarikh tutup permohonan untuk setiap IPT, anda boleh merujuk laman web kami di alamat www.ptptn.gov.my.

5 MASA UNTUK PERMOHONAN ON-LINE

Adakah pihak PTPTN menetapkan masa dan waktu untuk permohonan on-line ini dijalankan?

Ya. Masa dan waktu untuk permohonan secara on-line adalah ditetapkan dari jam **7pagi hingga 1 pagi** setiap hari. Selepas masa yang ditetapkan tersebut, sistem kami akan ditutup buat sementara waktu bagi menyiapkan kerja-kerja pemprosesan secara kelompok dan penyelenggaraan sistem.

6 TERLUPA KATA LALUAN (FORGOT PASSWORD)

- a) **Terlupa kata laluan sebelum selesai mengisi kesemua maklumat ke dalam laman web**
Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan semula kata laluan yang telah diberi oleh pihak UPU (untuk permohonan PTPTN) sekiranya saya terlupa?

Terdapat 2 cara untuk anda mendapatkannya semula:-

- i) Pemohon hanya perlu ke "Login" skrin dan masukkan nombor pengenalan 12 digit, kad tentera atau kad polis anda. Seterusnya klik butang "Terlupa Kata Laluan" dan menjawab 3 soalan yang tertera untuk tujuan pengesahan. Sistem akan mengeluarkan Kata Laluan yang baru dan anda dikehendaki menukar kata laluan tersebut.
- ii) Menghubungi Call Centre kami di talian 03-2092 7788 (sekiranya pemohon belum mengisi sebarang maklumat di dalam Laman Web Pinjaman On-Line) untuk mendapat kata laluan baru.

- b) **Terlupa kata laluan selepas "klik hantar" untuk membuat pembetulan data**
Bagaimanakah caranya untuk saya mendapatkan semula kata laluan yang telah diberi oleh pihak UPU (untuk permohonan PTPTN) sekiranya saya terlupa?

Pemohon masih boleh mengemaskinikan data yang telah dihantar sehingga tarikh tutup yang diumumkan oleh pihak PTPTN. Sekiranya pemohon terlupa "Kata Laluan", pemohon hanya perlu ke Login skrin dan masukan nombor pengenalan 12 digit, kad tentera atau kad polis anda. Seterusnya klik butang "Terlupa Kata Laluan" dan menjawab 3 soalan yang tertera untuk tujuan pengesahan. Sistem akan mengeluarkan kata laluan yang baru dan anda dikehendaki menukar kata laluan tersebut.

7 PENUKARAN KATA LALUAN

Bagaimanakah caranya untuk saya membuat penukaran kepada kata laluan yang telah diberi oleh pihak UPU untuk permohonan di laman web?

Pemohon dikehendaki untuk melayari Laman Web Pinjaman On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> dengan mengisi nombor kad pengenalan 12 digit, nombor polis atau tentera, serta kata laluan yang telah diberi oleh pihak UPU. Pemohon boleh menukar kata laluan melalui menu yang disediakan di dalam laman web tersebut.

8 PERBEZAAN PENJAMIN DAN PENJAGA

Apakah perbezaan diantara "Penjaga" dan "Penjamin"? Bolehkan saya meletakkan nama Ibu bapa saya kedalam kedua-dua bahagian?

Penjaga adalah dirujuk kepada orang yang menjaga pemohon yang terdiri daripada ibu bapa, adik beradik, pasangan atau Penjaga. Manakala Penjamin adalah dikhususkan untuk kedua ibu bapa sahaja seandainya salah seorang atau keduanya masih hidup. Bagi mereka yang kedua ibu bapa telah meninggal dunia, ruangan ini tidak perlu diisi. Bagi mereka yang hanya salah seorang telah meninggal dunia, ruangan yang wajib diisi hanyalah Butiran Penjamin 1.

Ya. Nama kedua ibubapa anda boleh diletakkan kedalam kedua-dua nama Penjaga dan Penjamin, sekiranya kedua ibu bapa pemohon masih ada.

9 RUANGAN MAJIKAN

Sekiranya saya masih belajar, apakah yang perlu diisi diruangan butiran pekerjaan?

Ruang tersebut tidak perlu diisi sekiranya anda seorang pelajar atau masih belum bekerja. Anda hanya perlu menekan butang seterusnya untuk butiran lain.

10 Apakah bezanya diantara gaji kasar dan gaji bersih?

Gaji kasar adalah gaji yang diberi daripada pihak majikan tanpa potongan KWSP, SOCSO, cukai, pinjaman dan lain-lain potongan. Gaji bersih adalah gaji yang telah ditolak kesemua di atas.

11 PEMROSESAN DAN STATUS PERMOHONAN

Bilakah permohonan saya diproses setelah saya klik "hantar" dan bagaimanakah caranya untuk saya mengetahui permohonan saya diterima atau ditolak?

Kesemua permohonan online akan diproses dalam masa 3 hari dari tarikh tutup permohonan. Untuk mengetahui status permohonan, anda bolehlah melayari Laman Web Pinjaman On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau menelefon Call Centre kami ditalian 03-2092 7788.

12 LULUS PERMOHONAN DAN DITOLAK PELAJAR

Bolehkan saya menolak pinjaman PTPTN sekiranya pinjaman saya tersebut telah diluluskan?

Ya, pemohon boleh menolak tawaran dengan melayari Laman Web Pinjaman On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> Pemohon dikehendaki memasukkan nombor pengenalan 12 digit, kad tentera atau kad polis serta kata laluan anda. Seterusnya, anda dikehendaki klik "Status Permohonan". Pemohon boleh menolak permohonan dengan klik "TOLAK TAWARAN".

13 LULUS PERMOHONAN DAN DITERIMA PELAJAR

Apakah seterusnya yang patut saya lakukan sekiranya permohonan saya telah diluluskan? Dan apakah dokumen sokongan diperlukan PTPTN?

Setelah permohonan diluluskan, anda perlu menjawab sama ada menerima atau menolak tawaran tersebut. Sekiranya pemohon menerima, pemohon hendaklah:-

I) Mencetak dokumen berikut pada Laman Web Pinjaman On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my>

- (i) 4 set Surat Tawaran pinjaman;
- (ii) 4 set Dokumen Perjanjian pinjaman;
- (iii) 4 set Surat Jaminan Pinjaman; dan

[Setiap satu set adalah untuk Pemohon, PTPTN, Penjamin 1 dan Penjamin 2. Namun, sekiranya salah seorang ibu bapa telah meninggal, hanya 3 set diperlukan untuk dihantar kepada PTPTN, dan hanya 2 set diperlukan sekiranya kedua ibubapa telah meninggal dunia.]

(iv) 4 keping setem hasil yang bernilai RM10.00 setiap satu.

[Bagi setiap Perjanjian Pinjaman Pendidikan yang telah disempurnakan, hendaklah dilekatkan setem berharga RM10.00 di sudut kanan atas pada muka depan setiap salinan dokumen perjanjian. Namun, sekiranya salah seorang ibu bapa telah meninggal, hanya 3 setem diperlukan untuk dilekatkan pada muka depan setiap salinan dokumen perjanjian dan hanya 2 setem diperlukan sekiranya kedua ibubapa telah meninggal dunia.]

[Cetakan dokumen tersebut hendaklah menggunakan kertas berwarna putih yang bersaiz A4 (80 gsm) dengan menggunakan satu muka kertas untuk setiap satu (cetakkan tidak dilakukan pada muka depan dan belakang di helaian yang sama). Dakwat cetakkan hendaklah berwarna hitam.]

II) Menyediakan dokumen sokongan seperti yang berikut:-

- (i) Salinan Surat Tawaran dari IPT;
- (ii) Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);

(bagi yang mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan SPM, hanya slip yang tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil boleh diterima pakai);

(iii) Salinan transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain. Contoh : STPM / Diploma / Matrikulasi;

(sila sertakan surat pengesahan tamat pengajian dari IPT yang mengendalikan kelayakan masuk tersebut, jika pemohon belum menerima sijil dan pada transkrip peperiksaan juga tidak dinyatakan bahawa pelajar telah menamatkan pengajian / layak dianugerahkan sijil);

(iv) Bagi tujuan melengkapkan permohonan pinjaman PTPTN secara on-line, pemohon terlebih dahulu perlu mempunyai nombor akaun individu mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing. Namun, terdapat beberapa IPT yang memberi

(v) Salinan Borang Cukai Pendapatan (B/BE/EA/EC) sekiranya pemohon yang sudah bekerja;

(vi) Slip Gaji / Kad Pesara / borang atau surat pengesahan pendapatan ibu bapa / penjaga / pemohon dan pasangan pemohon (sekiranya pemohon sudah berkahwin); dan

(vii) Salinan Sijil Kematian / surat pengesahan kematian ibu / bapa pemohon sekiranya telah meninggal dunia.

Kesemua dokumen yang disebutkan diatas kemudiannya diserahkan kepada pihak PTPTN pada hari pendaftaran di IPT. Kaunter-kaunter kami akan dibuka dihari pendaftaran tersebut dimana kesemua dokumen akan disahkan oleh Pegawai yang bertugas. Sila rujuk Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>. untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut tentang tarikh-tarikh pendaftaran tersebut.

14 **DOKUMEN PENGESAHAN**

Siapakah yang layak untuk mengesahkan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh PTPTN (Certified True Copy)?

Salinan dokumen sokongan hendaklah dibuat menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan.

Pemohon boleh mendapatkan pengesahan dokumen (Certified True Copy) daripada yang tersenarai dibawah:-

- a) Wakil Rakyat;
- b) Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- c) Pengamal Undang-Undang;
- d) Pesuruhjaya Sumpah;
- e) Jaksa Pendamai;
- f) Pengetua;
- g) Guru Besar Sekolah (Sekolah Kerajaan Sahaja);
- h) Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas;
- i) Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas;
- j) Penghulu;
- k) Ketua Kampung;
- l) Penggawa;
- m) Tuai Rumah;
- n) Ketua Kaum;
- o) Mukim yang Bertauliah.

15 **PERMOHONAN DITOLAK PTPTN**

Sekiranya permohonan saya ditolak, bagaimanakah caranya untuk saya membuat penyemakan? Bolehkah saya memohon kembali?

Pemohon boleh menyemak dengan melayari Laman Web Pinjaman On-Line di alamat <http://epinjaman.ptptn.gov.my> atau menelefon Call Centre ditalian 03-2092 7788 untuk mengetahui sebab-sebab penolakkan permohonan berlaku.

Ya, pemohon boleh membuat rayuan seandainya permohonan anda telah ditolak bukan sebab-sebab yang disenaraikan di item 1. Pemohon hendaklah datang berurusan dengan pegawai PTPTN atau secara bertulis yang dialamatkan ke Call Centre, Tingkat 4, Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.

16 **BAYARAN OLEH PTPTN (DISBURSEMENT)**

Setelah kesemua dokumen diserahkan kepada pihak PTPTN, berapa lamakah masa yang diambil untuk pembayaran yang pertama?

Seandainya segala dokumen yang diperlukan telah lengkap, pembayaran yang pertama dapat dilakukan dalam tempoh 7 hari dari tarikh penerimaan dokumen. Pembayaran yang telah diluluskan akan dikreditkan terus kedalam Akaun Bank Pelajar.

- 17 Untuk bayaran seterusnya dari pihak PTPTN (semester seterusnya), berapakah jangkamasa yang perlu saya tunggu untuk mendapatkannya?

Pembayaran seterusnya akan diberitahu atau diumumkan dari masa ke masa melalui Laman Web PTPTN di <http://www.ptptn.gov.my>.

18 **JUMLAH PINJAMAN**

Bagaimanakah untuk saya mengetahui jumlah pinjaman yang akan saya terima untuk kursus yang saya ambil?

Jumlah pinjaman yang diterima bergantung kepada kursus yang diambil dan pendapatan seisi keluarga. Pemohon boleh mengetahui jumlah pinjaman yang ditawarkan setelah pinjaman tersebut diluluskan. Seandainya pemohon tidak bersetuju dengan jumlah tawaran tersebut, pemohon boleh membuat rayuan secara terus dengan pejabat PTPTN berserta dengan dokumen sokongan, atau secara bertulis yang dialamatkan ke Call Centre, Tingkat 4, Wisma Chase Perdana, Off Jalan Semantan, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur.